

Abdul Hanan dilantik Ketua Setiausaha

BH-16052006

KUALA LUMPUR: Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Datuk Abdul Hanan Alang Endut dilantik sebagai Ketua Setiausaha (KSU), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, berkuat kuasa semalam.

Timbalan Pengarah Akademik (ADLEC), Institut Tadbiran Awam Negara (Intan), Dr Abdul Rahman Hashim, pula dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, mulai tarikh yang sama.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman dalam kenyataan mengumumkan pelantikan/pertukaran enam orang pegawai kanan perkhidmatan awam persekutuan, berkata Abdul Hanan menggantikan Datuk Suriah Abd Rahman yang bersara wajib 13 November tahun lalu.

Abdul Hanan, 53, memulakan karier dalam perkhidmatan awam pada 15 April 1974 sebagai

Penolong Setiausaha (Ekonomi), Perbendaharaan dan kemudian memegang beberapa jawatan sebelum dilantik Setiausaha Kerajaan Negeri Perak pada 21 Ogos 2004.

Dr Abdul Rahman, 52, pula memulakan karier dalam perkhidmatan awam pada 19 September 1977 sebagai Penolong Setiausaha di Bahagian Analisa Cukai, Perbendaharaan dan memegang beberapa jawatan sebelum dilantik Timbalan Pengarah Akademik Intan pada 8 Disember 2004.

Timbalan Ketua Pengarah II, Bahagian Penyelidikan, Jabatan Perdana Menteri (JPM), Ahmad Fuad Ab Aziz, pula dilantik Ketua Pengarah Bahagian Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (JPM) juga mulai semalam menggantikan Datuk Ab Hamid Othman yang bersara wajib.